

## BAB KEEMPAT

### KESAN KEPENJARAAN TERHADAP KELUARGA

Apabila para suami berada di penjara, seluruh isi keluarga mereka akan menghadapi satu pengalaman yang mencengkam jiwa masing-masing. Perasaan ini amat jelas kepada isteri dan anak-anak. Pengalaman yang mereka alami ini hampir sama dengan isteri yang kematian suami tetapi malangnya perhatian yang diberikan kepada isteri yang bersuamikan banduan adalah amat terhad (Schwartz & Weintraub 1974). Namun begitu jika dibandingkan antara keluarga banduan tempatan dan barat didapati perhatian sama ada dari sokongan moral dan material adalah jauh lebih baik dari negara kita.

Pada peringkat awal, bab keempat ini, pada peringkat awal, kita akan membincangkan definisi dan konsep tegangan dan gerak balas. Ini akan disusuli oleh kesan kepenjaraan terhadap anggota keluarga yang ditinggalkan khususnya isteri, dan seterusnya melihat masalah ekonomi dan sosial yang dihadapi oleh mereka.

#### **4.1 TEGANGAN**

Ketegangan berlaku kepada setiap individu dan terpulanglah kepada diri masing-masing untuk mengawal diri sendiri apabila berlaku sesuatu keadaan seperti kekecewaan

dalam hidup, kesakitan, ketidakselesaan dan tekanan dalam urusan sehari-hari (*daily hassles*). Ketegangan akan berkurangan malah berakhir apabila individu yang terlibat melakukan penyesuaian terhadap masalah yang dihadapinya.

Tegangan adalah satu keadaan universal bagi manusia dan binatang apabila berhadapan dengan sesuatu suasana (Mc Grath 1970). Keadaan ini berlaku sama ada di dalam atau di luar persekitaran manusia. Sebenarnya tegangan ini mampu mengganggu gugat seseorang individu. Menurut Yeo (1985) terdapat tiga perkara yang akan mengakibatkan tegangan kepada seseorang. Pertama penyebab kepada tegangan. Kedua penglibatan orang lain terhadap individu yang sedang mengalami tegangan. Ketiga reaksi individu kepada tegangan perasaan.

Mc Elroy & Townsend (1979) menyatakan bahawa tegangan ada satu proses yang mempunyai siri-siri yang kompleks serta penyesuaian dalam hubungan antara individu dengan persekitaran. Dalam membincangkan ketegangan yang dialami oleh keluarga, Selyle (1975), Mikhail (1981), Lazarus (1966) dan Mc Cubbin & Patterson (1983) berpendapat suasana ketegangan dalam keluarga bukan sahaja meninggalkan kesan kepada satu unit keluarga malahan akan merubah sistem sosial dalam keluarga tersebut. Proses ketegangan keluarga juga bergantung kepada keadaan, sikap anggota keluarga dan keadaan fizikal serta psikologi ahli keluarga yang terlibat (McCubbin & Patterson 1983).

Oleh itu dalam konteks keluarga banduan, kita akan meninjau adakah suasana yang tegang itu wujud di kalangan isteri dan anak-anak kerana suami/bapa berada di penjara ataupun ketegangan sudah berlaku sebelum suami dipenjarakan? Apakah pandangan penemuan di Barat dapat membuktikan bahawa keluarga banduan di Malaysia juga berada dalam keadaan ketegangan? Seterusnya kita akan melihat konsep gerak balas yang mempunyai hubung kait dengan ketegangan yang dialami oleh individu apabila berada dalam suasana yang tegang.

#### 4.2 GERAK BALAS

Gerak balas dari sudut psikologi menunjukkan:

" A person's willingness or reluctance to respond to a stimulus which reflects motivation and expectancies ".  
(Bernstein & Kleinknecht 1982)

Gerak balas yang dihasilkan daripada tekanan selalunya memperlihatkan perubahan fizikal, psikologi dan sosial oleh individu yang terbabit. Woolfolk & Richardson (1978) menjelaskan terdapat tiga jenis gerak balas yang timbul daripada tekanan iaitu gerak balas emosi, tingkah laku dan fisiologi. Gerak balas emosi yang paling jelas ialah kemarahan, kekesalan, kebimbangan dan kekecewaan. Gerak balas tingkah laku ialah mengasingkan diri, memukul anak, dan melakukan kesilapan dalam menjalankan tugas.

Gerak balas fisiologi meliputi aspek perubahan kesihatan diri, seperti tekanan darah, sakit kepala, gagap dan takut.

Para sarjana Barat bersetuju dengan menegaskan ketegangan akan menunjukkan gerak balas emosi, tingkah laku, dan fisiologi oleh individu yang terlibat dengan suasana yang menekan.

Kedua-dua konsep iaitu ketegangan dan gerak balas akan dibincangkan bagi melihat kesinambungan dua konsep ini dalam membincangkan kesan kepenjaraan yang dihadapi oleh keluarga banduan. Di samping itu, perbincangan mengenai kesan kepenjaraan terhadap keluarga banduan adalah berdasarkan kepada mutu hubungan dalam keluarga masing-masing. Ini bererti kita akan melihat apakah yang berlaku kepada keluarga harmoni dan renggang apabila suami dipenjarakan.

Perbincangan dalam bab keempat ini akan merujuk kepada 96 buah keluarga yang terdiri daripada 68.7% orang Melayu, 10.4% orang Cina dan 20.8% orang India yang dikategorikan kepada dua bentuk keluarga iaitu keluarga harmoni 40.7% dan keluarga renggang sejumlah 59.3%. Dalam keluarga harmoni, sebanyak 74.4% pasangan keluarga Melayu, 5.1% keluarga Cina dan 20.5% pasangan suami isteri India. Sementara keluarga renggang pula terdiri daripada 65.0% keluarga Melayu, pasangan keluarga Cina 14.0% dan 21.0% keluarga India.

#### 4.3 KESAN KEPENJARAAN TERHADAP KELUARGA

"A prison sentence is passed on an individual man, yet directly leads to suffering for wives, girlfriends and their children. These women 'share guilt' but must also cope (and rehabilitate) within the family".  
(Pendleton & Monger 1977)

Pengkaji-pengkaji Barat seperti Calson & Cervera (1991), Daniel & Barrett (1981), Morris (1965), Pendleton & Monger (1977) dan Thomas 1987 sepakat mengatakan hukuman penjara yang dikenakan kepada suami akan menimbulkan kesan kepada isteri dan anak-anak. Walau berapapun jangkamasa hukuman penjara ini ia tetap akan meninggalkan kesan kepada keluarga. Pada hakikatnya, tempoh tinggal dalam penjara ini sebenarnya menguji kedua-dua belah pihak. Namun, yang lebih teruji adalah pihak isteri.

Morris (1965) mendapati isteri yang pertama kali suaminya dihukum penjara lebih menderita berbanding dengan isteri yang suami mereka kerap kali dijatuhkan hukuman penjara. Keadaan ini juga merupakan satu stigma kepada keluarga banduan (Goffman 1963). Perpisahan sementara ini sebenarnya menunjukkan kepada suami dan isteri sama ada mereka mampu menerima kenyataan dengan tabah atau sebaliknya. Kita yang melihat hanya dapat mengatakan keadaan ini satu ujian Yang Maha Esa kepada hamba-Nya.

Tetapi bak kata pepatah Melayu "Betapa berat mata memandang berat lagi bahu memikul". Namun begitu, keadaan akan berubah jika "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing".

Selain daripada mengalami perubahan emosi terhadap ketiadaan suami, isteri terpaksa berhadapan dengan pelbagai kesan yang menjadi masalah berhubung dengan keperluan kehidupan mereka sehari-hari (Burstein 1977:212; Fishman 1990; Marsden 1969; Morris 1965; Wallace 1991). Penemuan di Barat juga menjelaskan bahawa masalah tempat tinggal, bekalan makanan dan pakaian adalah masalah fizikal yang dihadapi oleh isteri banduan.

Banyak perkara yang perlu dititikberatkan oleh seorang isteri dan ibu tanpa suami dan bapa kepada anak-anak. Makan, minum dan pakaian keluarga, persekolahan anak serta kehendak diri sendiri perlu diatur sebaik mungkin oleh isteri .

#### **4.3.1 PERUBAHAN EMOSI**

Apabila suami dijatuhkan hukuman penjara, isteri mengalami pelbagai perubahan emosi. Ada yang sedih, benci, kecewa, bersimpati dengan suami, malu dan tidak kurang juga yang gembira dan lega (Gardner 1991; Heyns 1958). Ini juga jelas dalam Jadual 4.1. Keadaan sebegini menguji kesabaran, ketabahan dan kecekalan seorang perempuan dan isteri kepada suami yang berada di penjara. Apabila memperkatakan tentang

perasaan isteri, ini membuktikan isteri telah menunjukkan gelak balas emosi yang jelas apabila suami mereka berada dipenjara.

Jadual 4.1 Perasaan Isteri Apabila Suami Dipenjarakan  
 (Berdasarkan Kepada Mutu Hubungan Dalam Keluarga)

Perasaan	Keluarga Harmoni (N=39)		Keluarga Renggang (N=57)	
	Bilangan Responden Ya(%)	Tidak(%)	Bilangan Responden Ya(%)	Tidak(%)
Malu	39(100%)	-	57(100%)	-
Sedih	35(89.7%)	4(10.3%)	39(68.4%)	18(31.6%)
Benci	31(79.5%)	8(20.5%)	8(14.0%)	49(86.0%)
Kesal	39(100%)	-	21(36.8%)	36(63.2%)
Kecewa	39(100%)	-	44(77.2%)	13(22.8%)
Sympati	24(61.5%)	15(38.5%)	19(33.3%)	38(66.7%)
Lega	19(48.7%)	20(51.3%)	24(42.1%)	33(57.9%)
Gembira	4(10.3%)	35(89.7%)	18(31.6%)	39(68.4%)

#### 4.3.1.1 Perasaan Malu

Perasaan malu amat jelas kepada keluarga harmoni dan renggang. Isteri merasa malu dengan penahanan suami di penjara. Perasaan ini semakin menebal di kalangan isteri keluarga harmoni apabila keluarga dan suami mereka orang disanjung dan dihormati (Asendorpf 1984; Poole 1976). Ada isteri yang merasakan ketiadaan suami akibat tahanan penjara merupakan sejarah pahit dalam kehidupan keluarga masing-masing. Isteri juga merasa malu dengan ibu bapa, mertua, kawan-kawan dan jiran masing-masing. Perasaan ini menyebabkan ada isteri yang terpaksa berpisah,

dengan anak-anak dan juga kehilangan tempat mengadu. Perasaan malu ini juga bukan sahaja ditanggung oleh isteri malahan seluruh keluarga banduan.

#### **4.3.1.2 Perasaan Sedih**

Kecenderungan perasaan sedih jelas bagi keluarga yang harmoni. Kehidupan yang aman damai terjejas apabila suami ditahan di penjara. Isteri kehilangan suami, anak kehilangan bapa. Si isteri juga berdukacita kerana terpaksa meneruskan kehidupan berkeluarga tanpa bantuan suami. Isteri bersedih kerana terpaksa berpisah dengan suami (Leventhal 1982; Schwartz & Weintraub 1974). Bagi isteri keluarga renggang perasaan sedih tetap wujud kerana kebanyakan mereka bergantung kepada suami khususnya dari segi sara hidup.

#### **4.3.1.3 Perasaan Benci, Kecewa dan Kesal**

Sebanyak 79.5% daripada isteri keluarga harmoni merasa benci dengan ketiadaan suami. Isteri merasa benci kepada peristiwa penahanan suami, dan juga kepada sikap suami melibatkan diri dalam kegiatan jenayah. Sementara 86.0% daripada isteri keluarga renggang tidak merasa benci dengan penahanan suami mereka. Perasaan ini timbul kerana mereka sudah bosan dengan sikap suami yang tidak bertanggungjawab terhadap isteri dan anak-anak (Daniel & Barnett 1981; Dominian 1968; Homer 1976). Rasa kecewa

isteri terhadap suami jelas di kalangan isteri yang telah berkali-kali menasihati responden supaya berhenti daripada melakukan kerja yang salah di sisi undang-undang. Ada isteri menyedari jika perbuatan ini berterusan, suaminya akan ditangkap dan dipenjarakan, namun si suami masih tidak akur. Kesedaran suami tentang perbuatan mereka hanya timbul apabila tertangkap. Isteri keluarga harmoni merasa kecewa dan kesal dengan sikap suami yang melibatkan diri dalam kegiatan jenayah tanpa memikirkan risiko dan balasan yang diterima.

#### **4.3.1.4 Perasaan Simpati**

Isteri juga bersimpati dengan keadaan yang dihadapi oleh suami (Fishman 1990; Kaslow 1978). Mereka yang mengenali suami lebih daripada orang lain merasakan suami mereka tidak bersalah, malahan suami mereka dianaya dan difitnah. Apabila berada dalam keadaan yang tertekan sebegini rupa, seramai 12 orang isteri menjelaskan yang mereka menyerahkan peristiwa ini kepada Tuhan. Isteri memohon daripada Tuhan supaya memberikan kekuatan dan ketabahan kepada dirinya dan keluarga untuk menghadapi kehidupan.

Mereka juga menyalahkan undang-undang yang dikatakan berat sebelah. Orang miskin dikenakan hukuman berat, manakala orang kaya dan berpengaruh dikenakan hukuman yang tidak setimpal dengan kesalahan yang

dilakukan. Ini tidak adil. Rayuan mereka tidak diambil kira oleh undang-undang menyebabkan mereka merasakan hakim dan peguam tidak memahami penderitaan keluarga pesalah.

#### **4.3.1.5 Perasaan Gembira**

Ada juga isteri yang merasa gembira dan lega dengan tertangkapnya suami mereka. Kegembiraan dan kelegaan ini bukannya tergambar dengan gelak ketawa tetapi dengan rasa puas hati kerana diri mereka bebas daripada deraan perasaan dan fizikal yang sering dilakukan oleh suami terhadap mereka (Kinney & Haapala 1991; Lazarus & Folkman 1980).

Isteri mengharapkan bahawa setelah suami dipenjarakan, suami kemungkinan besar akan menyedari kesilapan dan akan memperbaiki diri. Isteri juga lega kerana boleh bekerja dan hasilnya boleh disimpan untuk anak-anak dan diri sendiri. Kelegaan hati kerana ketiadaan suami juga jelas di kalangan kepada isteri yang sering kali menasihati suami supaya berhenti melakukan perkara yang salah di sisi undang-undang (Peelo et.al 1991).

Kegembiraan dan kelegaan apabila suami di penjara lebih ketara di kalangan isteri penagih dadah. Mereka tahu apabila suami di penjara, ketagihan dadah akan terkawal. Malahan isteri lebih suka suami di penjara kerana ini akan menyelamatkan diri suami mereka daripada dadah.

Isteri juga tidak sanggup bergaduh dengan suami atau diri mereka didera kerana dadah. Isteri juga tidak mahu anak-anak melihat bapa mereka menghisap dadah di rumah kerana ini mendatangkan kesan yang buruk kepada anak-anak. Kita lihat 3 kisah isteri banduan yang menjadi penagih dadah.

"Kakak rasa bimbang sangat bila abang nak bebas. Baliknya dia, bukan membuatkan kakak gembira, tapi buat kakak lebih risau. Dahlah kawasan rumah kakak ni kawasan dadah. Dia janji tak nak hisap lagi. Seminggu balik dah buat, masuk lagi. 4 kali dia masuk keluar, kak dah tahu, dah kenal sangat, kalau keluar sampai malam tak balik. Esok, kak pergi balai polis tanya tentang dia, kakak beri nombor kad pengenalan dan nombor dalam penjara lepas tu kalau betul polis akan beritahu kakak di mana dia berada. Kakak sekarang dah mangli dengan masuk keluar dia, buruk-buruk pun suami kita...apa nak buat".

(Keluhan isteri banduan NO 6493/90)

"Ada dia menyebabkan hidup siksa. Esok lusa dia balik....buat kakak rasa bimbang. Mesti hisap balik tu...dah 2 kali masuk penjara. Hisap sejak umur 20 tahun...ketagih dah teruk...Rumah ini dah empat kali dibaiki. Pecah sana, pecah sini kena tendang, bila naik syeikh mengamuk, minta dadah, telanjang bogel...anak saya, saya dia buat macam kain buruk saja...Dia buat apa yang dia suka, tengok ni...parut di muka saya.... Susah hati saya bila dia balik".  
(Rintihan isteri banduan NO 2874/92 )

*"...Suami akak menagih dadah apabila bekerja pemandu bas...Saya nasihatnya, bawa pergi berubat, berhenti sekejap...yang buat saya paling marah, saya tidak melawat dan bertekad untuk bercerai kerana apabila ditahan, saya jamin dia sebanyak tiga ribu dengan duit untuk perkahwinan anak sulung kami dan duit modal niaga akak, tetapi sebaik sahaja saya tiba di rumah polis datang beritahu suami saya ditahan semula kerana menjual dadah di bandar. Hancur lebur hati saya....duit hilang, suami ditahan....lagi. Hilang sabar saya....hendak aje kakak bunuh dia....dia juga mengajar anak saya menghisap, sekarang anak lelaki saya di Penjara Taiping....Kesal betul hati akak".*

*(Kisah isteri resonden NO 649/91)*

#### **4.3.2 MASALAH YANG DIHADAPI OLEH KELUARGA**

Apabila suami dipenjarakan isteri terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah. Perpisahan sementara ini merupakan satu suasana yang memungkinkan keadaan yang sukar untuk dikendalikan oleh isteri banduan (Broman 1993; Carlson & Cervera 1991; Morris 1965). Banyak masalah yang dihadapi oleh keluarga banduan. Masalah utama yang paling meruncing ialah masalah sara hidup. Kedua masalah tempat tinggal. Ketiga berkaitan dengan anak-anak. Keempat mengenai hubungan dengan orang lain seperti mertua, ibu bapa dan ahli keluarga yang lain. Kelima adalah masalah dalaman isteri itu sendiri. Semua masalah yang dialami oleh keluarga banduan menguji ketabahan dan kegigihan para isteri banduan.

#### **4.3.2.1 MASALAH SARA HIDUP**

Masalah yang paling utama dihadapi oleh isteri ialah mengenai sara hidup. Kewangan merupakan faktor penting bagi mengendalikan sesbuah keluarga. Menurut Daniel dan Barrett (1981), isteri banduan amat memerlukan sumber kewangan untuk memastikan hidup dalam keadaan teratur dan membolehkan mereka melawat suami mereka di penjara. Dengan sumber kewangan juga, isteri banduan dapat membeli makanan, pakaian dan membolehkan mereka memastikan rumah dalam keadaan terurus. Keadaan bertambah meruncing apabila keluarga mempunyai ramai anak. Perkara sebegini terjadi apabila isteri tidak bekerja dan tiada pendapatan sampingan berbanding dengan isteri yang bekerja.

##### **i. Keluarga harmoni**

Masalah sara hidup dalam keluarga harmoni dihadapi oleh 43.6% buah keluarga berbanding dengan 56.4% keluarga. Masalah kewangan ini adalah ketara di kalangan keluarga yang isteri tidak bekerja. Dalam konteks keluarga harmoni, sebanyak 41.0% isteri tidak bekerja, daripada jumlah ini, 68.7% isteri menghadapi masalah sara hidup. Isteri yang bekerja juga menghadapi masalah ini, tetapi bilangannya adalah kecil iaitu 24.1% orang sahaja.

Pendapatan yang mencukupi, pandai berjimat cermat, tanggungan yang sedikit menyebabkan 56.4% isteri tidak merasa tertekan dengan situasi kewangan dan mampu menyara kehidupan mereka sehari-hari sepanjang ketiadaan suami. Sejumlah 6 (27.2%) daripada 22 orang isteri mempunyai anak yang sudah bekerja. Ini dapat membantu isteri dari segi kewangan.

Sementara isteri yang tidak bekerja sememangnya menghadapi masalah menampung keperluan keluarga khususnya dari segi kewangan. Terdapat 68.7% isteri yang menjadi suri rumah tangga. Sikap mereka yang tidak mahu bekerja, tidak dibenarkan bekerja, terlalu bergantung kepada suami dan anak-anak masih kecil menyebabkan mereka menghadapi masalah kewangan. Sejumlah 27.2% daripada 11 orang isteri yang tidak bekerja kerana merasa malu, kesal dan kecewa dengan peristiwa yang berlaku terhadap suami mereka. Mereka tidak sanggup berhadapan dengan masyarakat kerana malu. Terdapat 18.2% daripada mereka adalah isteri kepada suami berjawatan tinggi. Sementara seorang isteri lagi, tidak dibenarkan bekerja oleh mertuanya dan 2 orang isteri tidak dibenarkan bekerja juga oleh ibu bapa masing-masing.

Terdapat 3 orang isteri yang tidak bekerja kerana mempunyai anak antara 5 hingga 6 orang. Anak mereka masih kecil dan bersekolah. Isteri merasakan menyediakan keperluan anak yang bersekolah adalah perkara yang membebani kerana mereka tidak mempunyai wang yang cukup. Isteri yang

tidak bekerja mengharapkan bantuan daripada jiran, ibu bapa dan mertua masing-masing.

Selain itu, terdapat 6 daripada 11 orang isteri yang tidak bekerja, mempunyai kehidupan yang mewah semasa bersama suami masing-masing. Mereka juga turut mengalami masalah kewangan yang berat kerana sikap mereka yang boros. Mereka tidak bersedia menghadapi keadaan ketiadaan suami dan kehilangan keupayaan untuk berbelanja secara mewah telah menyukarkan kehidupan masing-masing (Ferraro & John 1983; Kaslow 1978; Kissman & Allen 1993). Sikap isteri yang terlalu bergantung kepada suami, telah menyebabkan mereka hilang arah dalam mengendali urusan kewangan dalam keluarga masing-masing. Malahan ada seorang isteri dalam kategori ini, terus berbelanja secara keterlaluan dengan menggunakan wang simpanannya. Isteri bersikap sebegini rupa untuk menghilang rasa kecewa dan sedih dengan kehidupan yang dialami sekarang.

Keadaan yang sama dihadapi oleh isteri yang bekerja. Masalah sara hidup yang dialami oleh mereka isteri tetap wujud kerana pendapatan yang mereka perolehi sebanyak RM200-RM300 sebulan tidak mencukupi untuk menyara keluarga masing-masing. Di samping itu, 66.6% isteri yang bekerja ini mempunyai 3 hingga 5 orang anak yang masih bersekolah. Ini bererti pendapatan bulan yang mereka terima tidak mencukupi untuk menampung kehidupan mereka. Ada 50.0%

isteri dalam kategori ini, terpaksa menanggung segala hutang piutang suami.

## ii. Keluarga Renggang

Masalah yang dihadapi semasa suami masih bersama berterusan dalam keluarga renggang. Secara keseluruhan, sebanyak 68.4% keluarga mengalami masalah sara hidup yang teruk berbanding dengan 31.6% buah keluarga lagi. Dalam konteks keluarga renggang, terdapat 50.8% isteri yang bekerja dan 49.1% isteri tidak bekerja. Sejumlah 55.1% isteri yang bekerja menghadapi masalah kewangan sementara 44.8% tiada masalah dalam urusan kewangan. Di samping itu, sebanyak 82.1% isteri yang tidak bekerja turut menghadapi masalah yang sama berbanding dengan 17.8% isteri lain.

Masalah kewangan yang dihadapi oleh isteri dalam keluarga renggang ini adalah berpunca daripada jumlah pendapatan yang tidak lumayan, bilangan anak yang ramai, tiada bantuan daripada keluarga dan tiada wang simpanan untuk dibelanjakan sepanjang ketiadaan suami. Isteri yang tidak bekerja sudah pasti masalah kewangan bertambah berat bila suami dipenjarakan (Kruzich 1988; Murphy 1985).

Isteri yang bekerja kilang, pembantu rumah dan bekerja di estet memberitahu pendapatan mereka antara RM150 hingga RM350 sebulan tidak mencukupi untuk menyara anak yang bersekolah dan masih kecil. Terdapat 4 buah keluarga

yang terpaksa menyara anak antara 9 hingga 11 orang dengan wang sebanyak RM200 hingga RM350 sebulan. Makanan, minuman, pakaian, wang saku, buku dan alat tulis yang perlu disediakan menyebabkan isteri terpaksa mengikat perut. Tanggungjawab mereka untuk menyekolahkan anak-anak perlu diteruskan. Selain itu, isteri juga merasa amat terdesak apabila tiba musim perayaan. Misalnya isteri banduan menceritakan,

*" Walaupun dia jahat, suka mencuri tapi dia tak pernah kacau kita. Dia kasi kita makan dengan duit gaji dia bukan duit curi. Saya sedih dia tak ada. Anak-anak selalu tanya bila Papa mahu balik. Anak-anak buat saya sedih. Saya wife dia tak apa. Sudah tua. Sabar sajalah. Tapi bila tengok orang lain jalan dengan suami saya nangislah...Depavali sudah dekat, duit mesti pakai banyak....*

*(Kenyataan isteri banduan NO. 4958/91)*

Sikap suami yang tidak pernah menyimpan wang untuk kegunaan keluarga semasa kecemasan telah menyebabkan isteri yang tidak bekerja merasakan kesempitan kewangan yang amat sangat (Aldous & Tuttle 1988; Freeman & Lyon 1981). Mereka tidak juga mempunyai tempat untuk meminta bantuan. Ibu bapa, saudara mara dan jiran telah menyingkir mereka. Ada seorang isteri yang berlapar kerana tiada siapa yang ingin membantunya sekeluarga. Dia tidak boleh bekerja kerana mempunyai 4 orang anak yang kecil masih kecil, berusia 8 bulan hingga 5 tahun, tambahan pula dia tidak sihat.

" Tanpa abang di sisi, kali ini kak rasa sedih sangat. (terisak-isak siisteri menangis) Kakak beranak kecil.. wang amat kakak perlukan supaya anak kak boleh sekolah dan makan. Kak tak pernah kerja. Sedih betul tanpa abang. Sekarang kak sakit pula. Entahlah.....(si isteri mengeluh panjang)"

(Kenyataan isteri banduan NO 2493/90)

Terdapat 17.8% isteri yang tidak bekerja tetapi mampu hidup tanpa masalah kewangan kerana mereka mempunyai sumber kewangan daripada rumah sewa yang mereka miliki dan membantu mengasuh anak jiran. Selain itu mereka juga mempunyai anak yang tidak bersekolah yang berusia antara 2 hingga 4 tahun. Ini menyebabkan bebanan mereka untuk menyara keluarga adalah kurang.

#### 4.3.2.2 MASALAH TEMPAT TINGGAL

Selain masalah sara hidup, keluarga banduan juga menghadapi masalah tempat tinggal mereka (Carliner 1987; Jarrett 1994). Persoalan yang wujud adalah pilihan untuk tinggal di tempat yang sama atau berpindah. Isteri banduan didapati berpindah apabila mereka tidak mampu membayar sewa rumah, diganggu oleh jiran tetangga ataupun diusir oleh mertua dan ibu bapa.

Secara keseluruhannya sebanyak 77.1% tinggal secara neolokal iaitu, 52 buah keluarga menyewa dan 22 buah keluarga lagi tinggal di rumah sendiri. Sementara 11.4%

tinggal secara matrilocal dan 11.4% tinggal secara patrilocal.

i. Keluarga harmoni

Sejumlah 64.1% keluarga harmoni tinggal secara neolokal iaitu 52.0% keluarga menyewa dan 48.0% keluarga tinggal di rumah sendiri. Sementara 23.0% isteri tinggal dengan mertua dan 12.9% keluarga tinggal secara matrilocal.

Masalah dengan tuan rumah dan membayar sewa rumah telah dihadapi oleh 10 orang isteri yang tinggal di rumah sewa. Ketidakmampuan isteri membayar sewa rumah menyebabkan isteri terpaksa mengambil jalan penyesuaian yang difikirkan sesuai untuk dirinya sekeluarga.

Isteri yang tinggal dengan mertua mereka juga menghadapi masalah. Terdapat 2 daripada 9 orang isteri terpaksa menerima dan mendengar kata nista daripada mertua mereka setiap masa. Seorang isteri telah diusir oleh mertuanya sebaik sahaja suaminya dijatuhkan hukuman penjara.

Terdapat 3 daripada 5 orang isteri yang tinggal bersama ibu bapa sendiri menghadapi masalah yang sama. Ibu bapa mereka enggan lagi menerima mereka kerana menantu mereka telah menjadi banduan. Ini merupakan satu perkara yang mengaibkan keluarga.

Terdapat 20.0% iaitu 2 yang tinggal di rumah sendiri dan 3 yang tinggal di rumah sewa sering diganggu dan diumpat oleh jiran kerana suami mereka dihukum penjara. Tambahan pula anak-anak kepada 5 keluarga ini sering disoal oleh jiran tetangga mengenai bapa mereka. Menurut isteri banduan NO 1739/92, jirannya menganggu anak-anaknya yang suka bermain di luar rumah. Dia menceritakan bagaimana anaknya yang bermain di halaman rumah telah beberapa kali dipaksa oleh jiran untuk memberitahu mengapa bapa mereka tiada di rumah. Anak kecil berusia tujuh tahun ini memberitahu bapa mereka balik ke rumah nenek seperti yang diberitahu oleh ibunya, tetapi jiran telah memburukkan keadaan dengan memberitahu anak tersebut bahawa bapa mereka di penjara. Anak ini jadi bingung dan bertanyakan kepada ibu, ibu terus membohongi anak. Akhirnya anak jatuh sakit kerana terlalu merindui bapanya. Yang susah sekarang adalah isteri banduan. Isteri terpaksa memikirkan apakah jalan terbaik untuk mengelakkan peristiwa ini berlaku lagi. Keadaan sebegini telah menyebabkan isteri menjadi malu dan mengalami tegangan perasaan serta menunjukkan gerak balas yang negatif terhadap jiran dan keluarga (Goffman 1963; Ingram & Swartsfager 1973).

## ii. Keluarga renggang

Sebanyak 86.0% keluarga renggang ini tinggal secara neolokal, iaitu 79.6% tinggal secara menyewa sementara 20.4% keluarga lagi tinggal di rumah sendiri. 10.5% buah keluarga tinggal secara matrilokal dan 3.5% tinggal secara patrilokal.

Dalam konteks keluarga renggang ini, masalah yang dialami adalah sama khususnya dalam soal membayar sewa rumah. 87.1% isteri mempunyai masalah untuk membayar sewa rumah mereka. Keadaan mereka juga adalah sama dengan keluarga harmoni. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa melakukan sesuatu sama ada bekerja ataupun berpindah. Gangguan daripada jiran tetangga juga dialami oleh isteri-isteri keluarga renggang.

Terdapat 20.4% (10) orang isteri yang tinggal secara neolokal telah memberitahu bahawa mereka sering diganggu oleh jiran sekeliling rumah mereka. 2 daripada 10 orang isteri hampir diperkosa oleh jiran mereka. Keadaan ini telah menyebabkan mereka merasa tertekan dan menyesal dengan takdir.

2 orang isteri yang tinggal dengan mertua mengalami masalah hubungan yang tegang dengan mertua masing-masing. Isteri memberitahu mertua mereka benci dengan kehadiran isteri di rumah mereka. Kedua-dua orang isteri telah disuruh berpindah dari rumah mertua

masing-masing. 3 orang isteri yang tinggal bersama ibu bapa sendiri terpaksa menerima segala kemarahan ibu bapa kerana tidak menurut nasihat keluarga apabila dilarang daripada berkahwin dengan suami yang tidak bertanggungjawab.

#### **4.3.2.3 MASALAH DENGAN ANAK-ANAK**

Selain daripada masalah sara hidup dan tempat tinggal, keluarga yang mempunyai anak merasa lebih tertekan dari segi ekonomi dalam kehidupan mereka. Untuk mengendalikan anak-anak tanpa suami agak sukar bagi isteri banduan. Keluarga banduan yang mempunyai anak yang ramai akan merasakan bebanan tanggungjawab dan sara hidup yang lebih berat daripada keluarga banduan yang tidak mempunyai anak (Dunham & Bengtson 1994; Le Clere & Kowalewski 1994; Pratt 1979; Morris 1965).

Anak -anak banduan menunjukkan sikap yang negatif seperti memberontak, degil dan melakukan perbuatan devian (Gabel 1992; Shaw 1987). Selain daripada itu, anak-anak banduan juga menunjukkan sikap pemalu seperti yang wujud dalam diri ibu mereka.

Dalam kajian ini, sejumlah 90.7% keluarga mempunyai anak di antara seorang hingga sebelas orang. Anak mereka berumur antara 8 bulan hingga 34 tahun. Terdapat 65.5% keluarga yang mempunyai anak yang bersekolah dari peringkat pra sekolah sehingga tingkatan enam. 19.5%

keluarga memiliki anak yang tidak bersekolah, 23.5% daripada 17 keluarga ini mempunyai anak yang bekerja.

Masalah yang dihadapi oleh isteri ialah untuk menyekolahkan anak, berkomunikasi dengan anak-anak mengenai ketiadaan bapa mereka, serta mengurus anak-anak (Marsden 1969; Macnamara & Montanino 1978; Sack, Siedler, Thomas 1976). Selain itu si isteri juga mesti mengekalkan hubungan mesra anak masing-masing dengan mertua, saudara mara malahan diri mereka sebagai ibu (Acock & Kiecolt 1989; Bott 1957).

#### i. Keluarga harmoni

Jikalau dilihat dari sudut keluarga harmoni, mereka juga menghadapi masalah dengan anak-anak. Seperti yang dibincang di awal tadi, masalah sara hidup dalam keluarga yang mempunyai anak yang ramai amat jelas tambahan pula isteri tidak bekerja.

Sejumlah 94.8% keluarga harmoni mempunyai anak. 40.5% isteri menghadapi masalah menguruskan anak-anak mereka. Masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarga menyebabkan keperluan yang disediakan kepada anak-anak yang bersekolah adalah berdasarkan kepada perkara-perkara yang perlu sahaja.

Menurut 29.8% orang isteri yang mempunyai anak bersekolah menengah dan akan menduduki peperiksaan PMR dan

SPM tidak mampu dihantar ke kelas tuisyen kerana mereka tidak mampu. Menurut isteri banduan NO 3485/92, dua orang anaknya diberhentikan tuisyen kerana dia tidak berkemampuan lagi berbanding dengan keadaan semasa suaminya masih bersama mereka.

Ketiadaan bapa akibat dipenjarakan juga menyebabkan 72.9% isteri menghadapi masalah untuk menerangkan kedudukan sebenar tentang bapa mereka. Ada di antara anak banduan ini jatuh sakit kerana rindukan bapa mereka. Ada anak banduan yang mengalami kemerosotan dalam pencapaian pelajaran mereka apabila mereka mengetahui bahawa bapa mereka berada di penjara.

Hubungan mesra antara cucu dengan datuk dan nenek juga terjejas kerana bapa mereka di penjara. 3 orang isteri banduan memberitahu bahawa mertua dan ibu bapa mereka tidak lagi mahu bercakap dengan cucu masing-masing. Keadaan ini sebenarnya menimbulkan tekanan emosi kepada anak-anak yang masih kecil dan memerlukan kasih sayang daripada orang sekelilingnya.

Gangguan jiran yang inginkan mengetahui tentang cerita keluarga banduan turut menganggu anak-anak ini. Isteri yang berhadapan dengan keadaan sebegini akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengelakkan anak mereka diganggu oleh jiran masing-masing.

## **ii. Keluarga renggang**

Dalam aspek keluarga renggang, sejumlah 87.7% keluarga mempunyai anak di antara satu hingga sebelas orang. Sebanyak 12.3% keluarga tidak mempunyai anak. Sejumlah 16.0% isteri mempunyai anak di antara 8 hingga 11 orang.

Sebanyak 58.0% isteri menghadapi masalah mengurus persekolahan dan mendidik anak-anak. Ini disebabkan mereka tidak mempunyai wang yang cukup untuk menyekolahkan anak-anak, tidak tahu mengendali sikap anak mereka serta tiada masa lapang untuk bersama anak-anak kerana sibuk dengan pekerjaan mereka.

Ada 14.0% isteri mendakwa mereka tidak mampu menyekolahkan anak masing-masing. Ini merupakan satu masalah yang dihadapi oleh anak-anak banduan. Terdapat 2 orang isteri yang tidak menyekolahkan anaknya yang sepatutnya belajar di sekolah rendah. Salah seorang daripadanya, isteri banduan NO 10797/91 menyatakan anaknya tidak perlu disekolahkan kerana dia tidak bersekolah pun mampu makan, minum, pakai seperti orang lain juga. Oleh itu anaknya tidak perlu ke sekolah kerana bila anak berusia 10 tahun nanti anak dia boleh bekerja di estet tempat dia bekerja sekarang.

3 orang isteri telah memberhentikan anak mereka yang bersekolah di tingkatan satu dan dua. Alasan mereka diberhentikan sekolah kerana isteri tidak mampu dan anak mereka juga tidak begitu pandai dalam pelajaran. Sementara 2 orang isteri lagi tidak menghantar anaknya yang berusia 5 tahun ke TADIKA kerana tidak merasakan itu tidak penting.

Isu bapa di penjara menyebabkan anak membenci bapa yang dirasakan tidak bertanggungjawab, khususnya bapa yang menagih dadah. Sebanyak 70.0% isteri memberitahu anak mereka benci dengan sikap bapa masing-masing kerana melakukan perbuatan keji. Ini secara langsung mewujudkan hubungan yang tegang dan renggang antara anak dan bapa.

Ibu juga terpaksa berhadapan dengan kerena anak yang merindui bapa. Sejumlah 56.0% isteri memberitahu anak mereka merasa rindu terhadap bapa masing-masing dan seringkali sakit. Keadaan begini mendatangkan masalah kepada isteri, kerana bila anak sakit, ia memerlukan rawatan dan perhatian. Keadaan ini kadang kala menjelaskan isteri yang bekerja kerana mereka terpaksa mengambil cuti untuk bersama anak yang sakit. Isteri menyedai bahawa rawatan memerlukan wang, ini akan menambahkan lagi masalah kewangan dalam keluarga mereka.

Terdapat 26.0% (13 orang) isteri merahsiakan cerita tentang suami/bapa di penjara daripada anak-anak. Isteri menghadapi masalah untuk memberitahu kepada anak bahawa bapa mereka di penjara. Isteri sebenarnya mempunyai alasan tertentu tidak memberitahu kedudukan sebenar. Antara alasan tersebut ialah takut anak membocorkan rahsia bahawa bapa/suami di penjara, takut anak malu, kasihankan anak, tidak berani memberitahu dan merasakan anak tidak perlu tahu kedudukan sebenar.

Jika anak bertanya tentang bapanya, isteri akan memberi alasan bahawa bapa pergi kerja di tempat yang jauh, bapa balik rumah nenek atau bapa sakit tidak boleh tinggal dengan kita. Dalam keadaan ini adakah anak menjadi mangsa keadaan. Anak dipukul oleh isteri untuk melepaskan geram dan marah terhadap suami yang berada di penjara. Sejumlah 48.0% (24 orang) ibu memukul anak kerana marahkan suaminya. Banyak keadaan ini berlaku di hadapan mata pengkaji.

Sebanyak 90.0% isteri memberitahu hubungan mesra wujud di kalangan anak-anak dengan datuk, nenek dan saudara mara masing-masing. Namun begitu, keadaan berubah apabila bapa anak-anak tersebut berada di penjara. Ini jelas apabila mereka menerima gerakbalas emosi dan tingkah laku yang negatif daripada keluarga sebelah suami dan ibu bapa

masing-masing. Keadaan ini amat dirasai oleh anak-anak keluarga banduan. Mereka memberitahu bahawa mereka tidak lagi disayangi oleh datuk nenek lagi.

#### **4.3.2.4 MASALAH HUBUNGAN ISTERI DENGAN KELUARGA SENDIRI DAN SEBELAH SUAMI**

Masalah seterusnya mengenai hubungan suami isteri dengan ahli keluarga. Ibu bapa adalah tempat anak-anak untuk mendapatkan kasih sayang, pelindungan dan menceritakan segala masalah peribadi (Morrison & Cherlin 1995; Yaacob Harun 1991). Dalam konteks keluarga banduan, tidak semua isteri mendapat perhatian sepenuhnya daripada ibu bapa masing-masing. Terdapat keluarga yang tidak memperdulikan isteri banduan akibat suami dihukum penjara (Schwartz & Weintraub 1974).

Secara keseluruhan, 65.7% isteri keluarga mempunyai hubungan yang renggang dengan keluarga sama ada di sebelah mertua ataupun keluarga sendiri. Sementara 34.3% isteri lagi mempunyai hubungan yang harmoni dengan keluarga mereka.

##### **i. Keluarga harmoni**

Dalam konteks keluarga harmoni, 30.8% isteri mempunyai hubungan harmoni dengan mertua dan keluarga masing-masing. Hubungan harmoni ini berpunca daripada sikap keluarga yang memahami keadaan isteri sekeluarga apabila

suami mereka dipenjara. Mereka amat bernasib baik kerana mempunyai ahli keluarga yang baik dan bertimbangrasa (Homer 1976; Hof & Miller 1983). Ini secara langsung mengurangkan tegangan akibat ketiadaan suaminya.

Sejumlah 77.7% isteri yang tinggal bersama mertua mendapat layanan yang baik daripada mertua masing-masing. Sementara 2 daripada 5 orang isteri yang tinggal dengan ibu bapa tidak menghadapi masalah apabila suami mereka dipenjarakan.

Namun begitu kita dapati, 69.2% isteri mendapat layanan yang dingin daripada seluruh ahli keluarga masing-masing. Dalam konteks ini, 3 orang isteri tidak diperdulikan oleh mertua mereka dan 24 orang isteri diperdulikan oleh ibu bapa dan saudara kandung mereka. Layanan dingin ini berpunca daripada suami yang dijatuhkan hukuman penjara keluarga banduan ini tidak lagi dianggap sebagai sebahagian daripada keluarga (Caven & Zemans 1964; Peelo et.al 1991; Reimer 1973; Wallace 1991). Bagi ahli keluarga ini, sesiapa yang menjadi banduan adalah orang yang jahat. Mereka takut imej mereka akan tercemar apabila bersaudarkan keluarga banduan.

Selain daripada takut nama baik keluarga tercemar, isteri juga disisih kerana dikatakan membawa sial kepada keluarga. Seorang isteri yang dihalau daripada rumah dengan alasan isteri adalah perempuan yang tidak membawa

tuah kepada keluarga suami sehingga anak lelakinya terpenjara.

"Sebaik sahaja suami saya masuk penjara, mak mertua saya halau saya. Anak saya dia ambil dengan alasan hendak bawa anak itu melawat bapanya di penjara. Hingga kini saya tak boleh jumpa anak saya lagi. Rumah mak mertua saya tak jauh dari rumah saya. Sekarang saya kerja kilang, saya hantar duit untuk anak-anak saya, mereka pulangkan, mereka kata duit jalang haram... Sedih rasa saya. Hairan saya... mengapa mak mertua saya benci saya....

(Keluhan rasa isteri banduan NO. 5067/91)

2 orang isteri yang dihantar balik ke rumah ibu bapa masing-masing oleh mertua mereka kerana didakwa tidak berkelakuan sopan dan malas apabila berada di rumah mertua.

Menurut isteri responden NO 263/91,

" Mertua saya semasa suami saya di penjara dia layan saya macam anjing saja. Saya masak dia buang, anak saya sentuh barang-barang dia pukul anak saya. Dua hari dia tak bagi saya makan. Ipar saya juga sama dengan mertua saya. Akhir sekali saya telefon mak saya dan mak bawa saya balik ke sini. Sedih betul, masa suami saya ada, dia sayang betul dengan saya. Dia kata sebab saya anak lelakinya masuk penjara "

(Rintihan rasa isteri banduan NO.100/88)

## ii. Keluarga renggang

Masalah ketegangan hubungan kekeluargaan turut dialami oleh keluarga renggang. Sejumlah 63.1% isteri menghadapi hubungan yang runcing dengan ibu bapa dan mertua. Namun begitu, 36.9% isteri mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa dan mertua mereka .

Dalam aspek keakraban hubungan antara anak dan ibu bapa serta mertua, isteri banduan sentiasa menerima bantuan yang diperlukan. Jalinan kemesraan antara isteri wujud kerana ibu bapa dan mertua memahami tanggungjawab yang mereka setelah anak menantu mereka berada dalam kesusahan.

Hubungan yang meruncing berlaku dalam keluarga renggang ini apabila mertua tidak dapat menerima kehadiran menantu dalam keluarga mereka. Malahan terdapat seorang isteri yang diminta berpindah dari rumah mertua dengan alasan isteri itu adalah perempuan kelab malam. Mertua telah meminta anaknya (banduan) menceraikan isterinya dengan mengadu dombaikan keadaan dengan mengatakan isteri tersebut berlaku curang.

Keadaan sebegini telah menyebabkan hubungan antara isteri dan anggota keluarga khususnya mertua menjadi tegang. Ini secara langsung mengakibat isteri adakala terkial-kial mengatasi masalah yang dihadapi secara individu.

#### **4.3.2.5 MASALAH PERKAHWINAN MEREKA**

Dalam sebuah perkahwinan, hubungan antara suami isteri itu amat penting. Penemuan di Barat (Clemens 1957; Dickinson & Leming 1990; Folkman & Clathworthy 1970; Morris 1965) menegaskan sokongan emosi daripada pasangan

masing-masing adalah faktor utama bagi mengukuhkan hubungan dalam rumah tangga. Semakin kuat sokongan emosi tersebut diberikan semakin harmonilah rumah tangga. Oleh itu, adalah menjadi harapan kepada banduan dan isteri supaya sokongan emosi dan moral wujud sebelum suami dipenjarakan akan berkekalan. Pihak suami yang ditahan di penjara amat berharap si isteri akan bersikap setia, sabar dan cekal menjalani kehidupan sebagai seorang isteri dan menjaga keluarga dengan baik sementara menunggu kepulangan suami.

Menurut Burstein (1977) kehancuran rumah tangga banduan bukanlah satu trajedi peribadi tetapi berkaitan dengan faktor sosial yang lain. Tekanan daripada ibu bapa dan mertua menganggu hubungan banduan dan isteri. Apabila suami dipenjarakan, isteri berhadapan dengan dilema mengenai perkahwinan mereka. Apakah dia perlu terus setia menunggu kepulangan suami atau memilih jalan perceraian. Ada ibu bapa yang menyuruh isteri meninggalkan suami yang menjalani hukuman penjara (Daniel & Barrett 1981).

Hubungan yang harmoni dan renggang dialami oleh 96 pasangan suami isteri. Perkahwinan mereka sama ada atas dasar cinta dan pilihan keluarga mengalami keretakan apabila suami dipenjarakan. Sejumlah 78.1% berkahwin suka sama suka, 21.9% mendirikan rumah tangga dengan isteri pilihan keluarga.

### i. Keluarga harmoni

Dalam keluarga harmoni, 69.2% pasangan berkahwin atas dasar cinta dan 30.8% berkahwin atas dasar pilihan keluarga. Daripada 27 pasangan yang berkahwin dengan pilihan sendiri, 66.6% pasangan tidak mendapat restu daripada ibu bapa dan 33.3% mendapat keizinan daripada ibu bapa masing-masing.

Perkahwinan tanpa restu ini mendatangkan masalah kepada 44.4% daripada 18 orang isteri apabila suami berada di penjara. Mereka kehilangan tempat mengadu. Hidup dirasakan begitu menekan ditambah dengan tanggungan yang ramai. Suasana hubungan yang tegang antara mertua dan menantu menyebabkan isteri terpaksa bertindak untuk menyelesaikan masalah mereka.

Terdapat 22.2% orang isteri yang berkahwin tanpa restu memikirkan jalan keluar yang terbaik bagi diri mereka apabila suami mereka sering keluar masuk penjara. Ketiadaan suami kerana ditahan penjara sebenarnya menyebabkan isteri merasa tertekan dan bosan. Perasaan gembira dan lega kerana suami dijatuhkan hukuman penjara jelas apabila mereka memberitahu mereka ingin bertindak untuk membebaskan diri masing-masing daripada ikatan perkahwinan.

Sementara 30.8% pasangan yang berkahwin dengan pilihan keluarga merasa tertekan dengan keadaan ketiadaan suami di sisi. Mereka sedih dan kecewa dengan apa yang

berlaku kepada suami mereka. Buat sementara waktu mereka akan meneruskan kehidupan seperti biasa. Mereka akan menunggu kepulangan suami mereka dengan penuh sabar.

## ii. Keluarga Renggang

Dalam konteks keluarga renggang, 84.2% pasangan berkahwin dengan pilihan sendiri dan 15.8% pasangan berkahwin secara diatur oleh keluarga. Daripada perkahwinan pilihan keluarga ini, 44.4% isteri orang tidak suka dengan pilihan tersebut dan 55.5% orang suka dengan calon suami mereka.

Terdapat 75.0% daripada 4 orang isteri ini menegaskan bahawa suami mereka adalah lelaki yang tidak bertanggungjawab. 2 orang isteri memberitahu suami mereka tidak mahu bekerja, suka main judi dan minum arak. Suami mereka adalah lelaki yang tidak boleh menjadi suami serta bapa yang baik. Isteri merasa sedih dengan nasib yang mereka alami. Seorang isteri lagi memberitahu bahawa, dia merasakan mereka sekeluarga ditipu oleh pihak suaminya yang menyatakan bahawa suami adalah suami yang baik dan bertanggungjawab, tetapi pada hakikatnya suaminya adalah seorang penagih dadah dan suka mencuri. Keadaan ini menyebabkan dia dan keluarganya sedang berusaha menuntut fasakh daripada suaminya.

Sejumlah 84.2% pasangan yang berkahwin secara cinta, turut mengalami masalah dalam perkahwinan mereka. 54.2% pasangan ini tidak mendapat restu keluarga dan 45.8% lagi direstui oleh keluarga. Terdapat 38.5% daripada 26 orang isteri yang berkahwin tanpa restu ibu bapa telah didesak supaya meminta cerai daripada suami sebaik sahaja suami mereka dijatuhkan hukuman penjara.

Selain itu, ada 65.4% isteri yang sudah tidak tahan lagi dengan keadaan suami yang sering keluar masuk penjara. Mereka ini bertekad untuk bercerai. Bagi mereka menjanda lebih baik daripada bersuamikan lelaki yang sering masuk penjara.

Sementara, 45.4% isteri berkahwin atas dasar cinta serta direstui oleh keluarga yang menjelaskan mereka tidak dapat menahan tekanan batin yang meminta diri dikasihi dan dibelai seperti yang dialami semasa bersama suami. Bagi isteri kehendak nafsu adakala tidak dapat mereka kawal. Mereka perlu mencari jalan penyelesaian supaya perasaan tersebut dapat dikurangkan atau diredukan. Ada isteri yang terpaksa menahan kehendak batin mereka supaya tidak berlaku perkara yang tidak diingini.

Dalam hal ini, kita tidak dapat menyalahkan isteri sahaja. Nafsu merupakan fitrah Tuhan kepada individu. Terpulanglah kepada individu itu sendiri untuk mengendalikannya. Begitu juga dengan seorang isteri

banduan, sudah pasti dia cuba mengawal nafsunya tetapi jika tidak tahan, dia akan mencari jalan keluar yang terbaik untuk dirinya (Dennis, Henriques & Slaughter 1956; Greenblat 1983; Shryock 1949).

Dalam aspek menjaga maruah dan nafsu, 104 orang banduan amat mengharapkan isteri mereka akan menjaga maruah dan hubungan mereka suami isteri. Perkara yang membimbangkan banduan adalah isteri mereka bermain kayu tiga.

Menyentuh tentang hubungan, 75.0% banduan menjelaskan hubungan mereka suami isteri sudah berubah, 58 orang banduan merasakan hubungan mereka yang mesra bertukar renggang, sementara 25.7% banduan merasakan hubungan mereka ada tegang. Menurut banduan, isteri mereka merasakan kemasukan suami ke penjara merupakan bebanan dalam kehidupan mereka. Kehidupan mereka yang aman damai telah berubah. Ini diakui oleh 60.4% isteri banduan tersebut. Penyesuaian diri yang dilakukan oleh isteri semasa suami di penjara bukanlah mudah.

Walau bagaimanapun, masih ada isteri yang akan menunggu suami dengan sabar dan setia. Mereka akan menjaga perkahwinan mereka seperti biasa dan menjalani kehidupan tanpa suami dengan sabar di samping anak-anak. Mereka akan memberi peluang kepada suami untuk menebus kesalahan dan membina hidup baru.

#### **4.4 KESIMPULAN**

Menjadi seorang isteri banduan bukanlah satu perkara yang mudah. Tanggungjawab yang ditinggalkan oleh suami adalah amat berat untuk dilaksanakan. Tugas mencari rezeki, mendidik anak dan mengurus rumah tangga sebenarnya mencabar ketabahan dan kecekalan jiwa dan semangat seorang isteri banduan. Kata nista dan umpatan keluarga dan jiran sememangnya akan menganggu gugatkan emosi dan keadaan keluarga banduan ini. Isteri yang terpaksa berhadapan dengan kerenah mertua, ibu bapa, anak-anak dan jiran akan bertambah menderita apabila tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi.

Isteri yang pertama kali mengalami keadaan suami dipenjarakan sebenarnya amat memerlukan sokongan moral daripada orang terdekat kerana ini adalah satu peristiwa yang akan menjelaskan kestabilan emosi dan mental isteri. Pada hakikat adalah menjadi satu tanggungjawab kepada anggota keluarga khususnya ibu bapa dan mertua untuk memberi sokongan moral kepada isteri yang mengalami nasib sebegini rupa.